

09/07/2000

Pelajar dilantik jadi wakil khas Umno

BALING: Beberapa pelajar yang tamat pengajian di pusat pengajian tinggi di luar negara dilantik menjadi wakil khas untuk menerangkan fungsi Umno dan dasar kerajaan kepada penuntut Malaysia yang sedang belajar di seberang laut, kata Menteri Penerangan, Tan Sri Mohd Khalil Yaakob.

Beliau berkata, pelantikan itu yang dibuat oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Ada antara mereka kini sudah berlepas ke beberapa negara untuk bertemu dengan pelajar Malaysia.

"Selain untuk menerangkan tugas Umno bagi membangunkan rakyat dan negara, mereka turut diberi tanggungjawab mengenal pasti masalah yang sedang dihadapi pelajar di seberang laut, katanya.

Bercakap kepada pemberita selepas majlis penutup perjumpaan pemimpin-pemimpin masyarakat Parlimen Baling di sini, semalam, Mohd Khalil berkata, usaha itu diambil bagi mengelakkan pelajar Malaysia di seberang laut terpengaruh dengan dakwah parti pembangkang.

"Kita mahu pelajar negara ini menumpukan sepenuh perhatian terhadap pengajian mereka untuk menjadi pelajar cemerlang, bukan ghairah dengan politik pembangkang sehingga akhirnya gagal," katanya.

Majlis itu dirasmikan oleh Setiausaha Politik Satu kepada Timbalan Perdana Menteri, Othman Desa. Lebih 200 pemimpin peringkat cawangan dan bahagian hadir.

Khalil yang juga Setiausaha Agung Umno berkata, Kelab Barisan Nasional (BN) juga sedang dirancang untuk ditubuhkan di seberang laut bagi membolehkan penyertaan lebih ramai pelajar bukan Bumiputera.

"Selama ini Kelab Umno saja ditubuhkan di seberang laut, penyertaannya oleh pelajar Bumiputera," katanya.

Ketika berucap pada majlis itu, Khalil berkata, ahli Umno mesti memperkukuhkan kedudukan mereka menjadi parti terkuat untuk kekal menerajui negara.

Beliau berkata, jumlah 2.8 juta ahli Umno sekarang tidak bermakna jika kebanyakan ahli terus leka dengan kepentingan diri sendiri.

Menurutnya, ketika ahli Umno berjumlah 1 juta orang, Umno cukup kuat tetapi sekarang selepas jumlah ahli meningkat kedudukan semakin lemah dan pada pilihan raya lalu banyak kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) terlepas ke tangan pembangkang.

"Sekarang ini, semua pemimpin pelbagai peringkat mesti mengaturkan program hingga ke peringkat akar umbi bagi mengembalikan kekuatan parti terus bergema dan cemerlang," katanya.

(END)